



YB. SOON LIP CHEE

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang
Belia Dan Sukan

KENYATAAN MEDIA YB SOON LIP CHEE, EXCO BELIA & SUKAN PULAU PINANG PADA 08 DISEMBER 2020

KEMASKINI SOP SEKTOR SUKAN DAN REKREASI DI BAWAH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) DI NEGERI PULAU PINANG DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI MUKIM 12: BARAT DAYA DAN MUKIM 13: TIMUR LAUT MULAI 07 DISEMBER 2020

Berdasarkan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang dikemaskini dan diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia setakat 08 Disember 2020, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Aktiviti sukan dan rekreasi adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi SOP Sektor Sukan dan Rekreasi di Kawasan PKPP.
2. Aktiviti sukan dan rekreasi air di kolam renang adalah **DIBENARKAN** di Kawasan PKPB dengan mematuhi penjarakan fizikal.
3. Kapasiti pengguna bagi setiap premis sukan dan rekreasi di Kawasan PKPB hendaklah tidak melebihi 50% kapasiti penuh penggunaan.
4. Aktiviti individu yang dijalankan dalam perkumpulan kecil di Kawasan PKPB hendaklah tidak melebihi 10 orang dalam satu-satu masa.
5. Latihan sukan di bawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang di Kawasan PKPB adalah seperti berikut:
 - Aktiviti sukan dan rekreasi air di kolam renang adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi penjarakan fizikal.
 - Tidak melebihi 10 orang pada satu masa (termasuk jurulatih) atau tidak melebihi 50% kapasiti penuh penggunaan.
 - Tertakluk kepada waktu pembukaan kemudahan tersebut.
 - Aktiviti bersentuhan fizikal / sukan tempur, aktiviti perlawanan bagi sukan berpasukan dan aktiviti penganjuran kejohanan / pertandingan **TIDAK DIBENARKAN**.

SOON LIP CHEE
EXCO BELIA DAN SUKAN PULAU PINANG